

15/01/1997

The Mines Resort City tujuh Keajaiban Malaysia

Kadir Dikoh

THE Mines Resort City yang digelar oleh pemajunya sebagai tujuh Keajaiban Malaysia, bakal menjadikan negara ini pusat destinasi pelancongan dunia di samping hotel mewahnya mampu menjadi tuan rumah persidangan bertaraf antarabangsa. Terletak di bekas tapak lombong di Sungai Besi di pinggir Kuala Lumpur, projek impian bernilai RM2 bilion itu akan turut menjadi kebanggaan rakyat Malaysia apabila siap menjelang pertengahan tahun ini.

Beberapa ciri unik termasuk usaha pemajunya, Country Heights Holdings Bhd (Country Heights), memperkenalkan teksi air yang pertama di negara ini selain terusan menembusi pusat beli-belah dan pusat pameran terbesar, menjanjikan sesuatu luar biasa yang pasti dinantikan. Pusat mewah itu mengandungi tujuh komponen iaitu Palace of the Golden Horses, Mines Resort & Golf Club, The Mines Wonderland, The Mines Shopping Fair, Mines Beach Resort, The Mines Waterfront Business Park, dan pusat pameran terbesar di negara ini, Malaysian International Exhibition & Showroom.

Air akan menjadi unsur unik yang menghubungkan dan mengelilingi semua kawasan sekitar tujuh komponen utama itu yang bakal memberi kesan di arena tempatan dan antarabangsa. Teksi air pertama Malaysia akan membawa pelawat di sepanjang tasik dan melalui terusan, sampai ke semua tujuh destinasi utama itu. Terusan akan menghubungkan dua tasik di pusat berkenaan. Salah satu daripada komponen, The Mines Shopping Fair, adalah yang pertama seumpamanya di dunia dengan terusan melaluinya menerusi bahagian tengah kompleks beli-belah itu. Projek bandar raya peranginan itu dimajukan oleh Country Heights atas tapak seluas 378 hektar dan mula dibina sejak 12 bulan lalu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat The Mines Resort City bernilai RM2 bilion itu. Kali pertama lawatannya ialah pada Januari tahun lalu.

Pengarah Urusan kumpulan Country Heights, Datuk Lee Kim Yew, berkata hotel mewahnya, The Palace of the Golden Horses di situ berupaya menjadi tuan rumah bagi acara bertaraf antarabangsa. Ia dilantik sebagai hotel tuan rumah bagi mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara-Negara Membangun (G-15) yang akan diadakan di Kuala Lumpur masing-masing pada 1998 dan 1997.

Dr Mahathir ketika melawat projek hotel itu baru-baru ini berkata, hotel berkenaan mampu menjadi lokasi bagi beberapa mesyuarat antarabangsa yang akan diadakan di Malaysia. Lee berkata, apabila siap dan dibuka menjelang pertengahan 1997, hotel bertemakan dan pusat peranginan itu menampilkan 82 bilik suite atau mewah, lebih 400 bilik biasa dan kira-kira 40,000 kaki persegi dewan persidangan.

Antara kemudahan yang dibina di The Mines Resort City adalah:

The Mines Shopping Fair:

Pusat beli-belah seluas 1.6 juta kaki persegi ini menyediakan 250 ruang niaga. Kewujudan terusan akan memberi peluang kepada pengunjung untuk menyusurnya mengguna teksi bot sambil membeli-belah dengan gaya unik. Buat masa kini, 96 peratus kerja sudah siap.

The Mines Beach Resort:

Terletak dalam kawasan lanskap seluas 3.7 hektar, ini adalah hotel bandar raya pertama berhadapan pantai. Hotel bertaraf empat bintang itu mempunyai 180 bilik termasuk 50 unit chalet. Kolam renang dengan bahagian bawahnya berpasir dan boleh bersih secara semula jadi mampu memuatkan 300,000 gelen air. Kerja ke atas projek ini bermula sejak Disember 1995

dan kini 90 peratus siap.

The Mines Waterfront Business Park:

Pembangunan projek ini yang dibina pada kadar densiti rendah adalah taman perniagaan tebingan yang pertama seumpamanya dan disekelilingi lanskap di kawasan seluas 6.1 hektar. Ia mengandungi tiga unit blok setinggi tiga tingkat dan dua unit blok sembilan tingkat. Fasa pertama sudah 80 peratus siap manakala fasa kedua baru dimulakan. Keseluruhannya, taman ini menyediakan 1,500 tempat letak kereta.

Palace of the Golden Horses:

Terletak atas tapak seluas 5.5 hektar, hotel mewah yang mempunyai 426 bilik dan 59 suites ini dijangka siap pertengahan tahun ini. Ia mempunyai sembilan restoran dan lounges.

Malaysian International Exhibition & Showroom:

Pusat pameran terbesar ini mempunyai keluasan pembinaan 400,000 kaki padu dengan menduduki keluasan keseluruhannya 1.2 juta kaki padu. Pusat ini dibangunkan dalam dua peringkat dan 40 peratus kerja untuk fasa pertama meliputi tingkat satu hingga 2.5, sudah siap manakala fasa kedua iaitu pembinaan bermula di tingkat 3 dan ke atas bermula tidak lama lagi yang dijangka siap pertengahan tahun ini.

Pelan reka bentuk The Mines Resort City dibahagikan kepada dua bahagian lingkungan iaitu Utara mengandungi semua tujuh keajaiban berkenaan.

(END)